

CNS1238

U GB 21-06 00214 BA356

Bah

**Mahathir - Anugerah**

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

SANTIAGO, 21 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dan Presiden Chile Patricio Aylwin bertukar-tukar darjah kebesaran negara dalam satu majlis pada hari Khamis yang membandingkan pengukuhan hubungan Malaysia-Chile.

Datuk Seri Dr. Mahathir dianugerahi darjah Order to the Merit of Chile, manakala Perdana Menteri menganugerahkan darjah tertinggi Malaysia, Darjah Utama Seri Mahkota Negara (DMN), bagi pihak Yang di-Pertuan Agong, kepada Presiden itu. Darjah itu membawa gelaran Tun.

Upacara ringkas itu dilangsungkan pada jamuan malam bagi meraikan Datuk Seri Dr Mahathir oleh Presiden Aylwin di Istana Monada di pusat bandaraya di sini.

Yang turut hadir ialah Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Fasmah, Menteri Luar Datuk Abdul Lah Ahmad Badawi, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Melaka Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, Menteri Besar Perlis Dr Hamid Pawanteh dan wakil khas Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Datuk Musa Hitam.

Dalam ucapannya, Datuk Seri Dr Mahathir yang kini melawat Chile selama lima hari, berkata beliau datang ke Chile dengan harapan kedua-dua negara akan dapat meletakkan semangat berpasukan baru dalam hubungan dua hala bagi mengekalkan kerjasama. -- Lagi.

♥21/06/16-40MST

CNS1343

U GB 21-06 00171 BA357

Bah

**Mahathir - Anugerah 2 Santiago**

Katanya, atas asas ini dan berdasarkan perbincangan beliau dengan Presiden itu awal hari itu serta komitmen Presiden itu kepada tujuan yang sama, beliau yakin ia boleh dicapai.

Beliau berkata pada masa lepas, Lautan Pasifik telah memisahkan negara-negara dan rakyat lebih daripada lautan lain.

Bagaimanapun, keajaiban teknologi moden menyebabkan Lautan Pasifik sudah menjadi kecil.

+Kita boleh bercakap antara satu sama lain seperti kita dipisahkan oleh satu jalan sahaja dan tempoh kita memandu dari Kuala Lumpur ke Bangkok, Thailand, sebenarnya lebih lama daripada penerbangan ke ibu negara satu sama lain,+ katanya.

+Lautan Pasifik tidak perlu lagi menjadi halangan dan Chile dan Malaysia mesti meneroka satu hubungan baru antara negara-negara Pasifik untuk mengambil kesempatan daripada lautan yang semakin kecil itu,+ tambahnya.

Presiden Aylwin yang mempunyai pandangan yang sama dengan Perdana Menteri berkata beliau gembira kerana mendapati hubungan neyaranya dengan Malaysia telah bertambah baik dengan pembukaan kedutaan Chile di Kuala Lumpur beberapa tahun lepas. -- Bernama.

♥21/06/17-47MST